

HARI TERBUKA AIDILFITRI SEKOLAH PERUBATAN

Kemeriahian Hari Raya Aidilfitri pastinya mengundang rasa seronok dan gembira dikalangan umat islam. Kegembiraan yang telah melahirkan rasa kesyukuran kakitangan Sekolah Perubatan dikongsi bersama pada Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri dan sekaligus menyambut hari lahir Dekan SPU, Prof Dr Osman Ali pada 23 Oktober 2008.

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri dan Sambutan Hari Lahir ini adalah bertujuan untuk melahirkan rasa kesyukuran dan gembira di samping mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan perpaduan di kalangan kakitangan SPU tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Sempena sambutan ini, jamuan makan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Sekolah Perubatan. Majlis ini turut dihadiri oleh isteri Prof Dr Osman Ali, Puan Rabitah Manaf dan kakitangan akademik dan sokongan yang bukan beragama Islam.

